

# PM: Kembali bermaaf-maafan

UM 16 DEC 2001

KUALA LUMPUR 15 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengajak umat Islam di negara ini merapatkan kembali hubungan sesama mereka semasa berjemah di masjid dan bersalam-salaman serta bermaaf-maafan ketika menziarahi rumah-rumah ahli keluarga dan kawan-kawan.

Kata Perdana Menteri, ini boleh dilakukan jika umat Islam membuat resolusi untuk kembali kepada ajaran Islam yang sebenar sempena Aidilfitri.

Menerusi langkah ini, kata beliau, orang Islam akan hidup sebagai orang Islam yang bersaudara dan tidak sahaja mengutamakan fardu ain tetapi sumbangan kepada masyarakat Islam setempat dan keseluruhannya melalui fardu kifayah.

“Selepas Hari Raya, orang Islam patut menukar budaya dengan lebih mengutamakan budaya Islam sebenar dengan mengurangkan tekanan kepada rupa bentuk Islam.

“Sebaliknya, menumpukan kepada isi kandungan ajaran Islam yang mengutamakan usaha untuk memperbaiki pencapaian hidup di dunia dan bekalan untuk akhirat,” katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian dalam perutusan sempena Hari Raya Aidilfitri menerusi semua radio dan televisyen tempatan, malam ini.

Ini bermakna, kata Dr. Mahathir, umat Islam harus berusaha menguasai semua ilmu yang boleh menguat dan meningkatkan daya tahan orang Islam Malaysia di samping memiliki pengetahuan ajaran Islam yang sebenar.

Katanya, janganlah sesia-sia menghalang anak-anak daripada menuntut ilmu-ilmu yang boleh membebaskan umat Islam daripada bergantung kepada orang lain, kepada musuh Islam, untuk keperluan hidup dan untuk pertahanan kerana perbuatan itu mengkhianati Islam dan umatnya.

---

## Keperluan

Untuk itu, katanya, umat Islam perlu berusaha dengan lebih gigih, lebih daripada orang bukan Islam yang sudah maju kerana tidak mungkin kita mengejar orang yang berada di hadapan kita jika kita bergerak sama pantas dengan mereka.

“Ingatlah hari ini betapa mudahnya kita ditekan, ditakluk dan dipermain oleh mereka. Jika kita di masa-masa akan datang tertinggal lebih jauh, nasib kita tentu akan lebih buruk lagi dari sekarang,” tegasnya.

Malaysia, katanya, adalah negara berbilang kaum, agama, budaya dan bahasa, dan sebagai kaum yang menjadi majoriti dalam negara yang

demokratik, orang Islam sebenarnya boleh merebut kuasa sepenuhnya bagi diri mereka.

“Tetapi kita tidak ingin menunjuk bahawa orang Islam adalah orang yang tamak. Kita bukan saja sanggup berkongsi kuasa dengan kaum-kaum lain tetapi kita juga menunjukkan orang Islam adalah pemurah dan adil, tidak menindas puak minoriti dan tidak suka bermusuhan dengan sesiapa.

“Oleh itu pada Hari Raya, kunjungan orang bukan Islam ke rumah kita hendaklah disambut dengan kemeraan yang ikhlas. Sesungguhnya kita tidak akan rugi atas kesediaan kita berbaik-baik dengan orang bukan Islam kerana ia akan menjamin keharmonian hubungan antara kaum di Malaysia,” ujarnya.

Hari Raya, kata Dr. Mahathir, memberi peluang kepada umat Islam Malaysia menunjukkan kebaikan agama Islam kepada semua pihak dan akan dapat mematahkan dakwaan pihak tertentu yang cuba memburukkan agama Islam dan orang Islam.

“Kita akan dapat memamerkan apa sebenarnya agama Islam dan apakah peribadi orang Islam menurut ajaran Islam yang sebenar,” kata Perdana Menteri.